

PELAKSANAAN PROGRAM PANGLIMA SUBUH KE ARAH PEMBENTUKAN SAHSIAH MAHASISWA: KAJIAN DI KOLEJ KEDIAMAN TERATAI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SHAH ALAM.

IMPLEMENTATION OF THE PANGLIMA SUBUH PROGRAM TOWARDS STUDENT CHARACTER DEVELOPMENT: A STUDY AT KOLEJ KEDIAMAN TERATAI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM

Adam Luqman Mazufil Hanim
Izuan Izzaidi Azmi
Firdaus Chek Sulaiman
Putra Darwish Mohd Kamil
Muhammad Noor Al-Amin Akram¹

¹Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor
(E-mail: adamluqmazufil@gmail.com, izuan124@uitm.edu.my, firdaus8145@uitm.edu.my,
2022813108@student.uitm.edu.my, alaminakram21@gmail.com)

Article history

Received date : 2-8-2024
Revised date : 3-8-2024
Accepted date : 2-9-2024
Published date : 30-9-2024

To cite this document:

Hanim. A. L. M., Azmi. I. I., Sulaiman. F. C., Kamil. P. D. M. & Akram. M. N. A. A (2024). Pelaksanaan program Panglima Subuh ke arah pembentukan sahsiah mahasiswa: Kajian di Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 273 – 282.

Abstrak: Pembentukan sahsiah mahasiswa amat penting dalam melahirkan pelajar yang berwibawa dan berintegriti menerusi penghayatan ke arah kerohanian sebagai asas utama keberhasilan insan yang berjaya. Justeru, pelaksanaan Program Panglima Subuh yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Kediaman Teratai sesi 2024/2025 yang diadakan di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam, merupakan suatu inisiatif dalam menggerakkan kecenderungan mahasiswa ke arah kebaikan dan keterampilan sahsiah yang terpuji. Kajian ini berfokuskan peranan program bersifat kerohanian dalam mengukuhkan sahsiah mahasiswa khususnya dalam kalangan pelajar muslim Kolej Kediaman Teratai. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana impak program ini dalam menerapkan nilai positif dalam pembentukan diri para pelajar. Bagi merungkai persoalan ini, pemerhatian dan penganalisisan data secara kuantitatif diaplikasikan sebagai metodologi utama kajian. Borang soal selidik diberikan kepada pelajar bagi mengumpul pandangan mereka terhadap program yang telah dijalankan. Berdasarkan hasil dapatan kajian, program ini terbukti dapat memantapkan sahsiah pelajar khususnya dalam konteks pengurusan masa dan disiplin. Program ini menjadi tunjang utama bagi melatih dan membimbing pelajar untuk menjadi seorang yang lebih cakna terhadap kepekaan masa terutama dalam mendirikan solat Subuh secara berjemaah. Oleh itu, penglibatan pelajar yang

menyeluruh dalam program ini mampu memperkasakan sahsiah dan membentuk diri pelajar yang lebih holistik.

Kata kunci: *Sahsiah, Mahasiswa, Berintegriti, Kerohanian*

Abstract: *The development of students' character is crucial in producing competent and integrity-driven individuals through the internalisation of spirituality as the core foundation of success. Therefore, the implementation of the Panglima Subuh Program, organised by the Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) of Kolej Kediaman Teratai for the 2024/2025 session at Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam, serves as an initiative to steer students towards righteousness and praiseworthy character development. This study focuses on the role of spiritual programs in strengthening student character, particularly among Muslim students of Kolej Kediaman Teratai, and aims to assess the impact of this program in instilling positive values in their personal growth. Quantitative data observation and analysis were applied as the main research methodology, with surveys distributed to students to gather their views on the program. The findings demonstrate that the program significantly enhances students' character, particularly in time management and discipline. This initiative serves as a key platform for training students to be more mindful of time, especially in performing the Subuh prayer in congregation. Therefore, the comprehensive involvement of students in the program can empower their character and shape them into more holistic individuals.*

Keywords: *Character, students, integrity, spirituality*

Pengenalan

Dalam usaha melahirkan generasi muda yang berwibawa dan berintegriti, pembentukan sahsiah mahasiswa merupakan suatu aspek yang penting dan wajar diberikan perhatian. Pembentukan sahsiah dapat diinterpretasikan sebagai suatu tingkah laku, bertindak, bertutur dan berakhlak yang berupaya mencapai kebaikan dunia dan akhirat (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Dalam skop perbincangan pendidikan tinggi, mempunyai gred yang cemerlang dalam bidang akademik sahaja adalah tidak memadai dan perlu disertakan dengan sahsiah yang terpuji agar pelajar tersedia untuk menempuhi cabaran masa hadapan dan membawa imej positif dalam kalangan rakyat Malaysia (Latif & Hamka, 2024). Oleh hal yang demikian, pelbagai program kerohanian telah dilaksanakan di pelbagai kampus awam mahupun swasta sebagai inisiatif bagi memantapkan sahsiah serta jati diri pelajar (Sabri, Rafdi & Musa, 2019).

Rentetan itu, Program Panglima Subuh merupakan salah satu program yang berteraskan kerohanian yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam bagi merealisasikan tujuan tersebut. Program ini telah diadakan di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin yang disertai oleh para pelajar Kolej Kediaman Teratai. Program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga kali pada semester Mac – Ogos 2024 iaitu pada 19 April, 3 Mei dan 8 Jun 2024. Menerusi program solat subuh secara berjemaah ini, para pelajar diajar untuk sentiasa berdisiplin dan menepati waktu serta dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri mereka (Bakri, 2021).

Seterusnya, kajian ini berfokuskan untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan dan impak Program Panglima Subuh dalam menerapkan nilai-nilai positif bagi membentuk sahsiah yang terpuji dalam kalangan pelajar khususnya pelajar Kolej Kediaman Teratai. Dalam mengkaji

perkara tersebut, pendekatan kuantitatif telah diaplikasikan menerusi pengumpulan data 150 responden melalui *google form* yang telah diedarkan kepada pelajar secara atas talian aplikasi *WhatsApp*. Hasil daripada analisis data tersebut berupaya memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberkesanan program ini dalam mencapai objektif kajian.

Justeru, kajian ini telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kepentingan aspek kerohanian. Penekanan terhadap aspek tauhid, ibadah dan akhlak perlulah dipraktikkan seiring dengan usaha untuk menangani pelbagai isu gejala sosial di kalangan para pelajar yang beragama Islam pada hari ini yang semakin membimbangkan (Aziz, Mastor & Kasan, 2022).

Kajian Literasi

Kajian literasi ini bertumpu untuk mendalami peranan dan keberkesanan program kerohanian dalam memantapkan sahsiah mahasiswa dengan menganalisis pelbagai sumber rujukan yang berkaitan dengan aspek pendidikan, kerohanian dan pembentukan sahsiah para pelajar.

Program Kerohanian dan Pembentukan Sahsiah Mahasiswa

Aspek Kerohanian merupakan antara faktor yang dominan dalam melahirkan seorang mahasiswa yang holistik. Oleh hal yang demikian, program kerohanian memainkan peranan yang besar bagi proses pembentukan sahsiah mahasiswa. Menurut Muqrie dan Jamiaah (2022), pelaksanaan program kerohanian ini bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan pemahaman ilmu agama agar pelajar lebih jelas akan tujuan kehidupan yang sementara ini. Kesedaran ini secara tidak langsung mampu melatih pelajar untuk mengutamakan perkara yang perlu diutamakan, dan dapat membezakan antara yang baik dan buruk bagi memperoleh kehidupan yang sejahtera (Muqrie & Jamiaah, 2022).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Aziz, Mastor dan Kasan (2020), pengamalan ibadah yang dilakukan secara berterusan mampu memimpin dan membentuk sahsiah pelajar yang lebih positif dan cemerlang. Melalui kajian tersebut, ianya telah terbukti bahawa, program keagamaan seperti solat lima waktu secara berjemaah, puasa sunat, solat sunat, bacaan al-Quran dan tazkirah yang dipraktikkan secara konsisten mampu membentuk nilai-nilai moral dan etika yang kukuh dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, daripada penyelidikan yang dijalankan oleh Awang, Maimun dan Mohd Isa (2017), seseorang itu akan lebih bertanggungjawab dan cekap dalam pengurusan sekiranya individu tersebut memiliki akhlak dan berpegang kepada prinsip pendekatan kecerdasan secara spiritual.

Tambahan lagi, program yang membangunkan sahsiah pelajar mempunyai keupayaan untuk membentuk karakter pelajar seperti budi bahasa, kekemasan diri, kepimpinan, konsep sendiri, komunikasi, mematuhi masa dan memupuk sikap penyayang (Jalal, Daud, Samad, 2015). Malah, menerusi kajian yang dijalankan oleh Nurul Wafiqah, Hajah Masuriyati dan Noriah (2023), kesan positif boleh diperolehi dengan mengamalkan amalan kerohanian yang dijalankan secara berterusan. Hal ini seterusnya berupaya untuk membentuk insan yang berwibawa dan bermatlamat yang menjadikan insan yang bertamadun, murni, dan berdaya maju (Muhammad, N.H.N dan et al, 2017).

Selain itu, program berunsur kerohanian ini semakin jelas akan kepentingannya apabila faktor kurang pendidikan agama menjadi asbab kepada kepincangan sahsiah dalam kalangan mahasiswa (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Hal ini turut diperkukuhkan lagi apabila Zainudin dan Norazmah (2011), melalui kajian mereka turut bersetuju bahawa permasalahan sahsiah

dalam diri mahasiswa adalah disebabkan kurangnya amalan kerohanian seperti menunaikan solat fardu secara berjemaah. Justeru, kepentingan pendidikan yang menjadi teras utama dalam memantapkan akhlak dapat melahirkan insan yang mempunyai nilai budi pekerti yang tinggi dan tidak wajar dipandang remeh (Hasbullah Mat Daud et al. 2020).

Keberkesanan Program Panglima Subuh

Program Panglima Subuh merupakan sebuah program yang berkonsepkan pelaksanaan solat Subuh secara berjemaah di surau atau masjid. Terdapat pelbagai program yang berteraskan konsep yang sama telah dipraktikkan oleh banyak organisasi.

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Mustopa dan Fadhilatul (2019), pelaksanaan solat Subuh secara berjemaah mampu menghindar mahasiswa daripada sifat dan tingkah laku individu munafik serta sikap bermalas-malasan. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa, solat Subuh secara berjemaah mampu meningkatkan disiplin diri, keselamatan sekitar dan sikap prihatin dalam diri masyarakat serta menghapuskan sikap individualistik yang semakin menebal dalam diri masyarakat pada hari ini. Program ini secara tidak langsung telah meningkatkan kesedaran untuk melaksanakan solat Subuh secara berjemaah secara berterusan. Tambahan lagi, kebiasaan mengambil wuduk pada waktu pagi turut membantu mengurangkan masalah alahan sejuk seperti kerap bersin.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Siti dan Heriyanto (2018), membuktikan lagi keberkesanan program solat Subuh secara berjemaah melahirkan mahasiswa berkualiti. Berdasarkan kajian ini, secara umumnya, peserta program didapati menghargai waktu dan lebih bijak dalam menguruskan masa. Hal ini, menyebabkan aktiviti seharian para pelajar menjadi lebih teratur dan setiap aktiviti menjadi lebih bermakna apabila dimulakan dengan perasaan yang tenang setelah melakukan solat Subuh berjemaah. Tambahan lagi, Siti dan Heriyanto (2018) turut menyatakan bahawa aktiviti ini dapat menyumbang kepada kestabilan pembangunan fizikal dan mental masyarakat.

Keberkesanan solat Subuh berjemaah turut disahkan melalui kajian yang dijalankan oleh Sitti dan Ahmad (2018), mendapati mahasiswa yang ideal dapat dibentuk melalui solat Subuh berjemaah. Dalam kajian ini, nilai ideal lahir daripada aspek IQ (keyakinan diri dalam berjaya), EQ (empati dan kepemimpinan) dan SQ (kejujuran dan beragama). Elemen ini penting untuk dimiliki oleh para mahasiswa sebagai bekalan masa hadapan. Tambahan pula, kajian ini turut menunjukkan program ini mampu meningkatkan aspek pengurusan diri dan masa, kepemimpinan dan sosial individu. Program ini berupaya melatih rohani, mengurangkan permasalahan dalaman, meningkatkan aspek fizikal, mental dan nilai bersyukur dikalangan mahasiswa. Hal ini kerana, mahasiswa berupaya untuk belajar menghadapi kesulitan dengan hati yang tenang dan terbuka. Konsistensi dalam melakukan solat Subuh secara berjemaah ini akan membentuk kesedaran intrinsik dan menyumbang kepada kemenjadian pelajar.

Melalui kajian literasi, sudah terang lagi bersuluh, program kerohanian seperti Panglima Subuh memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah mahasiswa. Program ini bukan sahaja membantu aspek spiritual pelajar malah berupaya meningkatkan tahap disiplin, pengurusan masa dan nilai-nilai murni. Oleh hal yang demikian, inisiatif seperti program ini wajar diteruskan malah diperkasakan serta disokong dalam usaha melahirkan generasi mahasiswa yang berintegriti dan berwibawa.

Metodologi

Bagi melengkapkan kajian ini, pemerhatian dan penganalisan data secara kuantitatif menjadi metodologi utama. Pengaplikasian metodologi mampu mengumpulkan nilai data yang tepat (Mohajan & Haradhan, 2020). Justeru itu, gambaran yang jelas dan tepat mengenai keberkesanan Program Panglima Subuh dalam pembentukan sahsiah mahasiswa di Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dapat dikumpulkan.

Reka Bentuk Kajian

Analisa kajian menggunakan deskriptif kuantitatif sebagai kaedah utama. Reka bentuk ini membantu untuk mengumpul dan menganalisis sampel data yang besar secara sistematik dan teratur. Sejarar dengan pandangan Burns dan Groye (2005), yang mengatakan bahawa, kajian ini adalah formal, mempunyai objektif, pendekatan deduktif dan strategi yang sistematik dalam menyelesaikan suatu permasalahan. Lantas, data yang telah dikumpulkan akan dianalisis untuk mengetahui keberkesanan program.

Populasi dan Sampel

Untuk kajian ini, populasinya adalah dalam kalangan pelajar Kolej Kediaman Teratai mewakili 150 pelajar telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang dibangunkan secara khusus untuk menilai keberkesanan program ini telah dipilih sebagai instrumen utama merangkumi:

- i. **Maklumat Demografi:** Mengenai latar belakang responden seperti nama, nombor pelajar dan blok Teratai
- ii. **Penglibatan dalam Program:** Menumpukan kepada kekerapan dan tahap penglibatan responden dalam Program Panglima Subuh.
- iii. **Keberkesanan Program:** Menilai pandangan responden terhadap impak program dalam membentuk sahsiah pelajar, termasuk aspek pengurusan masa, disiplin diri dan lain-lain.

Pengumpulan Data

Dalam mengumpulkan data secara lebih mudah, borang soal selidik telah diedarkan kepada responden melalui platform *Google Form*. Pautan ini kemudiannya telah dikongsi melalui aplikasi *WhatsApp* kepada pelajar-pelajar Kolej Kediaman Teratai. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan “*raw data*” untuk dianalisis bagi mengkaji keberkesanan program. Kajian turut mengaplikasikan skala 5 mata atau 5-point “*Likert scale*” dimana 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana setuju, 4 = bersetuju dan 5 = sangat bersetuju. Pengagihan borang soal selidik secara maya ini membenarkan para pelajar untuk memberikan maklum balas pada masa yang sesuai. Hal ini juga dapat memastikan data dikumpul dengan cepat dan efisien.

Dapatan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian dalam menganalisis keberkesanan Program Panglima Subuh bagi pembentukan sahsiah mahasiswa. Soal selidik yang telah diedarkan terbahagi kepada 3 komponen, demografik, tahap penglibatan dan impak program.

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan bahawa, majoriti responden adalah dikalangan penghuni Blok Teratai 2 dan Blok Teratai 1 yang merangkumi 30.6% dan 20% daripada total responden yang turut serta dalam kajian. Manakala Blok Teratai 3 menunjukkan tahap penglibatan yang terendah iaitu dengan skor sebanyak 14.7%.

Hal ini disebabkan penghuni Blok Teratai 2 dan 1 lebih memerlukan merit kolej bagi mendapatkan penempatan pada semester akan datang. Manakala Blok Teratai 3, hampir keseluruhan dihuni oleh para pelajar daripada unit beruniform yang telah terjamin kolej. Perkara ini disokong apabila merit kolej menjadi pendorong kedua tertinggi dengan 27.3% untuk para pelajar.

Selain itu, penglibatan responden dalam program ini amat memberangsangkan. Daripada soal selidik yang dijalankan, majoriti responden telah menyertai sebanyak tiga kali penyertaan dengan skor sebanyak 55.3%. Hal ini disebabkan faktor pendorong yang lain seperti motivasi diri yang menjadi tonggak utama dengan 30%.

Jadual 1: Maklumat Responden

	Profil Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Blok Teratai	Teratai 1	30	20.0
	Teratai 2	46	30.6
	Teratai 3	22	14.7
	Teratai 4	25	16.7
	Teratai 5	27	18.0
Bilangan Penyertaan	Sekali	23	15.4
	Dua kali	44	29.3
	Tiga Kali	83	55.3
Tahap Pendidikan	Ijazah	150	100
	Sarjana Muda		
Pendorong Penyertaan	Merit kolej	41	27.3
	Motivasi diri	45	30.0
	Kewajipan agama	36	24.0
	Galakan rakan-rakan	19	12.7
	Sarapan pagi	9	6.0

nota:(n-150)

Hasil Dapatan Kajian

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian menerusi analisa deskriptif dengan melihat kepada peratus dan skor nilai min bagi setiap komponen yang diutarakan kepada responden. Merujuk kepada Jadual 2, kesemua soalan yang dikemukakan mendapat maklumbalas yang tinggi iaitu responden sangat bersetuju bahawa program ini dapat memperbaiki akhlak dan sahsiah diri dengan skor sebanyak (78.7%), meningkatkan disiplin diri (75.3%), meningkatkan pengurusan masa (73.3%), istiqamah dalam melakukan amal kebaikan yang lain (69.1%) dan menjaga solat Subuh berjemaah (56.0%).

Jadual 2: Impak Pelaksanaan Program Panglima Subuh

BIL	Impak	Jumlah Responden / Peratus					Min
		Sangat bersetuju	Bersetuju	Sederhana Setuju	Tidak setuju	Sangat Tidak setuju	
1.	Meningkatkan pengurusan masa	110 (73.3%)	34 (22.7%)	5 (3.3%)	0 (0%)	1 (0.7%)	4.68
2.	Meningkatkan disiplin diri	113 (75.3%)	34 (23.3%)	1 (0.7%)	0 (0%)	1 (0.7%)	4.70
3.	Menjaga solat Subuh berjemaah	84 (56.0%)	26 (17.3%)	2 (1.3%)	0 (0%)	1 (0.7%)	3.54
4.	Membaiki akhlak dan sahsiah diri	118 (78.7%)	27 (18.0%)	4 (2.7%)	0 (0%)	1 (0.7%)	4.74
5.	Istiqamah dalam melakukan amal kebaikan yang lain	103 (69.1%)	40 (26.7%)	5 (3.3%)	0 (0%)	1 (0.7%)	4.61

Nota: Likert Scale 1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Bersetuju, 3= Sederhana Bersetuju, 4= Bersetuju, 5= Sangat Bersetuju. (n-150)

Perbincangan

Berdasarkan analisa data di atas, Program Panglima Subuh mampu untuk memantapkan sahsiah dikalangan mahasiswa khususnya bagi pelajar Kolej Kediaman Teratai. Merujuk Jadual 1, pelajar baharu di Blok Teratai 1 dan 2 lebih gemar untuk menyertai program berbanding pelajar-pelajar di Blok Teratai 3,4 dan 5. Berdasarkan tahap penglibatan pelajar, dapat ditakrifkan bahawa, pelajar terbuka untuk menghadiri program kerohanian seperti Program Panglima Subuh ini apabila majoriti responden (55.3%) secara penuh menyertai dan menghadiri program yang telah dijalankan sebanyak tiga kali sepanjang semester Mac - Ogos 2024.

Dalam konteks keberkesanan program, membaiki akhlak dan sahsiah diri merupakan impak dominan yang dipersetujui oleh responden dengan skor sebanyak (78.7%) responden menyatakan program ini telah membantu mereka dalam memperkasakan akhlak dan sahsiah diri. Kajian yang dilaksanakan oleh Aziz, Mastor dan Kasan (2020), bersetuju bahawa program seperti ini mampu memimpin pelajar untuk menjadi insan yang lebih beretika dan mempunyai nilai sahsiah yang lebih terpuji. Disamping itu, skor min turut menunjukkan nilai yang tertinggi sebanyak 4.74. Hal ini jelas dapat dilihat apabila kebanyakan mahasiswa menjawab pada skala 4 dan 5 adalah bersetuju dan sangat bersetuju yang program dapat membaiki akhlak dan sahsiah diri.

Selain itu, peningkatan disiplin diri menjadi impak kedua terbesar yang diperoleh oleh responden setelah menyertai program dengan skor sebanyak 75.3% diikuti skor min 4.70. Responden percaya tahap disiplin mereka menunjukkan nilai yang positif. Hasil ini sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Mustopa dan Fadhilatul (2019), turut membuktikan keberkesanan program yang berteraskan solat Subuh berjemaah dalam membentuk disiplin mahasiswa. Perkara ini dapat dibuktikan, para pelajar Kolej Kediaman Teratai mempunyai tekad yang tinggi dengan berusaha untuk berjalan kaki secara beramai-ramai ke masjid yang terletak agak jauh berbanding kolej kediaman lain.

Dengan memperoleh min skor sebanyak 4.68, peningkatan dalam kemahiran pengurusan masa turut menjadi nilai tambah setelah menyertai program ini. Dengan nilai skala 4 dan 5, responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa program ini mampu membantu mereka menguruskan masa dengan lebih baik. Perkara ini turut diperkukuhkan melalui kajian yang dilaksanakan oleh Siti dan Heriyanto (2018), iaitu antara kesan positif yang dapat dilihat dalam diri pelajar adalah, pelajar lebih cekap dalam menghargai masa. Sekiranya pelajar bangun awal pagi, mereka mempunyai lebih banyak waktu yang tersusun untuk menyelesaikan aktiviti harian.

Tambahan lagi, istiqamah dalam melakukan amal kebaikan yang lain turut menjadi kesan positif daripada maklumbalas responden. Dengan kadar skor sebanyak (69.1%) responden sangat bersetuju atas kesan tersebut diikuti min skor mencapai nilai 4.61. Hal ini kerana, berdasarkan Surah al-Baqarah ayat 148, Allah berfirman untuk para hambaNya berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan. Seajar itu, pelajar akan lebih terbuka untuk melakukan amal ibadah dan meninggalkan kemungkaran.

Akhir sekali, responden turut bersetuju bahawa program ini mendorong mereka untuk menjaga solat Subuh secara berjemaah. Hal ini dapat dilihat apabila skor sebanyak (56%) mendapati responden lebih kerap melakukan solat Subuh secara berjemaah. Walaupun peratusan ini sedikit rendah berbanding impak yang lain, min skor bagi kesan ini masih lagi dalam kategori yang tinggi dengan nilai skor min 3.54. Perkara ini turut disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Sitti dan Ahmad (2018), pelajar akan berasa lebih tenang dan dapat menghilangkan tekanan yang dihadapi.

Kesimpulan Dan Kajian Masa Hadapan

Berdasarkan kajian ini, dengan nilai skor min 4.74, perkara ini jelas menunjukkan bahawa program kerohanian seperti Program Panglima Subuh mampu membentuk dan memperkasakan akhlak serta sahsiah diri pelajar. Rentetan itu, keupayaan program ini tidak wajar dipandang enteng kerana program ini mampu memberikan nilai kesedaran yang tinggi kepada pelajar khususnya pelajar Kolej Kediaman Teratai.

Justeru, program ini seyogianya dilaksanakan secara berkala pada setiap semester bagi mengukuhkan nilai spiritual dalam kalangan mahasiswa. Dengan mempraktikkan program ini secara konsisten, pelajar dapat memupuk disiplin diri dan menguatkan hubungan mereka dengan Tuhan. Disamping itu, ketekunan dalam penganjuran program ini turut akan memberikan impak positif yang signifikan dimana. Mahasiswa akan mendapati, jati diri mereka akan menjadi lebih utuh dan menjadi satu “turning point” dalam menjalani kehidupan yang lebih proaktif.

Tambahan pula, untuk menambah keberkesanan program, aktiviti kerohanian perlu dipelbagaikan. Aktiviti seperti Malam Menghidupkan Qiamulai merupakan antara contoh inisiatif lain yang boleh diaplikasikan oleh pihak jawatankuasa. Program ini dapat mewujudkan peluang kepada pelajar untuk melakukan ibadah malam secara berjemaah yang sukar untuk pelajar lakukan secara bersendirian. Selain itu, program-program seperti pengajian kitab dan bacaan surah-surah terpilih seperti surah Al-Mulk selepas menunaikan solat fardhu Isyak turut perlu diperkenalkan bagi memperkaya pengalaman kerohanian mahasiswa. Aktiviti-aktiviti seperti ini bukan sahaja akan memberi peluang kepada mahasiswa untuk mendalami ajaran Islam itu sendiri, malah mampu meningkatkan keterlibatan dalam ibadah harian mereka.

Tidak Ketinggalan, peranan AJK surau atau dalam konteks Kolej Kediaman Teratai, ahli SURATAI juga perlu diperbaiki untuk menggerakkan program-program kerohanian dengan lebih efektif. Setiap surau yang ada di Kolej Kediaman Teratai hendaklah diimarah dengan pelbagai kempen menarik yang mampu mempromosikan solat berjemaah lima waktu. Tidak hanya itu, pelantikan imam dan bilal bertugas juga adalah perlu bagi melancarkan pengurusan. Jadual imam dan bilal bertugas sepatutnya dibuat agar mereka menyedari akan tanggungjawab dan tugas yang telah diamanahkan. Langkah proaktif turut boleh diambil dengan menjemput penceramah luar yang bakal memberikan perspektif baharu, motivasi tambahan dan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai kehidupan beragama menjadikan intipati program kerohanian menjadi lebih menarik dan menyeronokkan.

Akhir kata, Program Panglima Subuh ini telah berjaya mencapai objektif utama pelaksanaannya dalam memperkasakan sahsiah dan akhlak mahasiswa. Dengan memberi nilai min yang tinggi, program seperti ini wajar diteruskan lagi dalam membentuk sahsiah mahasiswa. Namun, bagi mencapai hasil yang lebih menyeluruh, kajian ini perlu ditambah baik berdasarkan cadangan yang telah diperketengahkan. Dengan penambahbaikkkan ini, impak yang lebih besar daripada pelaksanaan program ini akan dapat dikecapi pada masa yang akan datang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman Teratai sesi 2024/2025, pihak pengurusan Kolej Kediaman Teratai serta Staf Residen Kolej (SRK), Kolej Kediaman Teratai kerana telah membantu sepanjang kajian ini dilaksanakan. Seterusnya, tidak lupa juga kepada seluruh penghuni Kolej Kediaman Teratai sesi Mac – Ogos 2024 yang sentiasa memberikan semangat dan sokongan moral secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyiapkan kajian ini.

References

- Aziz, S. N. S., Mastor, A. K. & Kasan, H. (2022). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam*, ISSN 1823 7126.
- Batubara, M. M. & Hasanah, F. (2019). Membangun Budaya Shalat Subuh Berjamaah di Masjid dan Gotong-royong Sebagai Program Kerja Mahasiswa Kuliah Kerja Nyata (KKN). *Jurnal Ilmiah Pengabdian Kepada Masyarakat*, 1 (1), 43-49.
- Bakri, W. A. H. (2021). Pengaruh Gerakan Sholat Subuh Keliling Berjamaah Terhadap Peningkatan Disiplin dan Kinerja ASN di Lingkungan BKPSDM Kabupaten Sarolangun dalam Menghadapi Era Society 5.0. *Webinar Konferensi Nasional Ilmu Administrasi*.
- Burns, N., & Grove, S. K. (2005). *The Practice of Nursing Research, Conduct, Critique, and Utilization* (5th Ed.). St Louis: Elsevier.
- Drahman, A. N. A., Lubis, A. A. M. & Hamzah, I. M. (2017). Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. *Simposium Pendidikan di Peribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, 28-36.
- Gismin, S. S. & Mansyur, Y. A. (2018). Salat Subuh dan Dimensi Ideal Mahasiswa. *Jurnal Psikologi Islami*, Vol. 4, No. 2 Desember 2018: 82-90
- Hasbullah, M. D., Yussuf, A. & Kadir, A. A. F. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(9): 75-89.
- Jalal, H. F., Daud, A. N. & Samad, A. N. (2015). Kesan Program Pembangunan Sahsiah Terhadap Pembentukan Karakter Pelajar.
- Latif, A. H. W. N., Yahya, H. M. H & Hamid, H. A. N @ Tiawa, H. (2023). Pelaksanaan Dakwah Dalam Muhammad, N. H. N. & Omar, S. H. S. (2017). Peranan Sahsiah dan Kerohanian bagi Mengatasi Masalah Penagihan Dadah. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, hlm. 204-211.
- Latif, A. L. & Hamka, Z. A. M. (2024). Pembentukan Sahsiah Unggul Melalui Pembelajaran Ilmu Hadis: Suatu Analisis Terhadap Mahasiswa Universiti Selangor.
- Mohajan & Haradhan (2020). Quantitative Research: A Successful Investigation in Natural and Social Science. *Journal of Economic Development, Environment and People*, Vol. 9, Issue 4, 2020, pp. 52-79.
- Murti, S. & Heriyanto (2018). Program Shalat Subuh Berjamaah dan Kesadaran Beragama. *Islamic Science, Culture, and Social Studies*. Vol. 1, No.2 (<https://doi.org/10.53754/iscs.v2i1.178>)
- Sabri, A. S., Rafdi, J. N., & Musa, H. N. (2019). Pembentukan Sahsiah Mahasiswa Melalui Penghayatan Program Kerohanian di Institusi Pengajian Tinggi Islam. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, Vol. 20, ISSN 2289-1560.
- Sopi, M. M. M. & Jalil, A. J. S. (2022). Dakwah Melalui Pendekatan Usrah Terhadap Pembangunan Insan Mahasiswa. *Al-Hikmah*, 14(1) 2022: 53-69.
- Sharif, Z. & Roslan, M. N. (2011). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1: 115-140.